



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

WABAK JIWA, RACUN UMMAH

Tarikh Dibaca:

**23 JAMADILAWAL 1447H /
14 NOVEMBER 2025**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذَا قِيلَ اسْأَلُوا اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

WABAK JIWA, RACUN UMMAH

14 NOVEMBER 2025 / 23 JAMADILAWAL 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِيَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ

أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾﴾ البقرة [188]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ،

اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala perintah-Nya, jauhilah larangan-Nya, dan hidupakanlah rasa takut kepada-Nya dalam setiap urusan. Khutbah pada hari ini bertajuk “**Wabak Jiwa, Racun Ummah**”. Umat Islam hari ini berdepan wabak yang lebih dahsyat daripada virus yang menyerang tubuh. Ia bukan menular melalui udara, tetapi melalui hati yang tamak, lidah yang menipu dan tangan yang khianat. Inilah wabak jiwa, penyakit rohani dan moral yang menghakis nilai, mencemar maruah, dan meruntuhkan keimanan bangsa. Kita menyaksikan betapa manusia semakin bijak mencipta teknologi, namun semakin kehilangan kendali terhadap

dirinya. Dunia bertambah maju, tetapi jiwa semakin gersang. Kita membina pencakar langit, tetapi lupa membina akhlak dan harga diri.

Allah SWT berfirman dalam **Surah al-Baqarah ayat 188** yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu makan harta sesama kamu dengan cara yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan sebahagian dari harta manusia dengan berbuat dosa, padahal kamu mengetahui salahnya.”

Rasulullah SAW pula mengingatkan dalam hadis riwayat at-Tirmizi, daripada Kaab bin Ujrah RA:

إِنَّهُ لَا يَرْبُو لَحْمٌ نَبَتَ مِنْ سُحْتٍ إِلَّا كَانَتْ النَّارُ أَوْلَىٰ بِهِ

Maksudnya: “Sesungguhnya tidak tumbuh setiap daging dari harta yang haram, melainkan api neraka adalah lebih utama (untuk menyeksanya)”.

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Wabak ini kini menjalar dalam pelbagai bentuk; rasuah, penipuan, salah guna kuasa dan ketamakan. Menurut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), negara kita menanggung kerugian sekitar RM277 bilion akibat kebocoran dan rasuah antara tahun 2018 hingga 2023. Sementara Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula merekodkan lebih 33,000 kes penipuan siber dengan kerugian melebihi RM1.22 bilion pada tahun 2024.

Angka ini bukan sekadar laporan tahunan, tetapi ia adalah isyarat bahawa masyarakat ini sedang sakit. Kita mungkin kaya harta, tetapi miskin jiwa. Kita mungkin bebas berbelanja, tetapi terpenjara dalam keresahan. Punca utama wabak ini ialah hati yang kosong daripada iman. Apabila manusia memutuskan hubungan dengan Allah, maka hilanglah malu, runtuhlah amanah dan padamlah cahaya petunjuk.

Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari:

“Dalam tubuh manusia ada seketul daging; apabila ia baik, baiklah seluruh tubuh; apabila ia rosak, rosaklah seluruh tubuh. Itulah hati”.

Hati yang kotor akan mencari seribu alasan untuk menipu, tetapi hati yang hidup akan menangis walau terlintas niat jahat di fikiran.

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Undang-undang boleh menghukum, tetapi hanya iman boleh menyembuhkan. Integriti yang sejati bukan dilahirkan oleh polisi, tetapi oleh hati yang takut kepada Tuhan. Pemimpin yang beriman tidak akan menjual kebenaran walau digoda kemewahan. Pekerja yang beriman tidak akan menipu walau tiada siapa memerhati. Rakyat yang beriman tidak akan mengambil hak orang lain walau peluang terbuka di depan mata.

Bersempena Bulan Integriti Nasional 2025, marilah kita fahami bahawa integriti bukan sekadar slogan pentadbiran, tetapi asas kelangsungan tamadun. Bangsa yang kehilangan amanah akan binasa walau ekonominya maju. Negara yang makmur dengan dosa akan hancur walau undang-undangnya kuat. Wabak jiwa ini bukan hanya melanda pejabat dan pentadbiran, tetapi turut menular ke dalam rumah tangga.

Apabila nilai kasih sayang dan tanggungjawab hilang, maka keluarga akan retak dan masyarakat akan kehilangan arah. Rumah yang sepatutnya menjadi taman rahmah berubah menjadi ladang keresahan. Ingatlah, keluarga yang beriman akan melahirkan masyarakat yang beramanah. Bapa menjadi pelindung dan pembimbing, ibu menjadi penyayang dan pendidik, anak-anak menjadi penyejuk mata dan penenang hati. Inilah benteng sebenar ummah, bukan tembok undang-undang, tetapi rumah tangga yang dipenuhi iman.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Sebagai rumusan khutbah hari ini, marilah kita hayati tiga inti utama:

Pertama:

Rasuah dan tamak adalah racun yang membunuh jiwa sebelum membinasakan bangsa.

Kedua:

Integriti lahir daripada iman; apabila iman mati, nilai akan hilang.

Ketiga:

Bangunkan keluarga dan masyarakat dengan kasih, amanah dan taqwa kerana di situlah imunisasi sebenar terhadap wabak moral.

Bangunkan semula iman, suburkan integriti, kerana di situlah penawar bagi segala wabak jiwa dan racun ummah.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا

الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَهَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكَ بَكِينِدَا يَغِ د-فَرْتَوَانِ اَكُوغُ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكَ بَكِينِدَا رَاغِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغُ، رَاغِ زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ
نَصَرَ الدِّينَ، وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعْطِكُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.